



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2009

Kepada

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap dan

Pegawai Pengawal Peruntukan Jawatankuasa Tetap

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
PERUNTUKAN JAWATANKUASA TETAP**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tetap (EXCO) dan Pegawai Pengawal bagi Peruntukan Jawatankuasa Tetap mengenai tatacara penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap.

- 1.2 Surat Pekeliling ini akan memberi panduan untuk memastikan penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap dibuat secara teratur dan berhemah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Terdapat 37 Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) mengikut portfolio masing-masing. Setiap Jawatankuasa Tetap diperuntukkan sejumlah **RM100,000.00 setahun bagi Belanja Mengurus** untuk setiap Jawatankuasa Tetap yang dikawal dan di selaras oleh Pegawai Pengawal yang telah dilantik di Jabatan-Jabatan yang berkaitan.

Senarai Jawatankuasa Tetap adalah seperti di **Lampiran 1**.

- 2.2 Surat Pekeliling ini adalah susulan kepada dua (2) siri mesyuarat telah diadakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor pada 2 September 2008 dan 24 September 2008 bagi membincangkan garis panduan penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap.
- 2.3 Susulan dari dua mesyuarat tersebut, satu kertas untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah disediakan dan MMKN bil 1/2009 yang bersidang pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dengan cadangan garis panduan penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap.

3. GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN JAWATANKUASA TETAP

3.1 Penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut :-

3.1.1 Perbelanjaan Pengurusan

- a) Peruntukan Jawatankuasa Tetap hanya dibenarkan untuk tujuan pengurusan Jawatankuasa Tetap seperti penganjuran mesyuarat, sesi taklimat, seminar, lawatan kerja, pembelian alat tulis, peralatan dan keperluan pengurusan Urusetia Jawatankuasa Tetap.
- b) Bagi tujuan lawatan kerja yang berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap, ianya adalah tertakluk kepada kelulusan **MMKN** dan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2008**.
- c) Bagi tujuan bayaran kepada perunding, jumlah bayaran adalah tertakluk kepada **Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006** dan tidak melebihi **RM 20,000.00** bagi sesuatu tugas. Lantikan bagi perunding adalah secara *one off* sahaja.

- d) Bagi semua jenis perolehan bekalan termasuk pembelian runcit, ianya hendaklah mematuhi prosedur dan tatacara perolehan kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Pembelian runcit adalah tidak melebihi **RM 500.00** setiap bulan.

3.1.2 Pelaksanaan Program-Program Yang Ditetapkan Oleh Jawatankuasa Tetap

- a) Setiap penganjuran program perlu di selaraskan bersama Urusetia Jawatankuasa Tetap dan **kos penganjuran** adalah tidak melebihi **RM 20,000.00** bagi setiap program.
- b) Sebarang bentuk program perlu dikaji terlebih dahulu bagi memastikan ianya memberi impak positif dan manfaat secara langsung kepada rakyat dan setiap program hendaklah diuruskan oleh Urusetia Jawatankuasa tetap tersebut.

3.1.3 Sumbangan Dan Bantuan Kepada Pertubuhan Atau Individu

- a) Sebarang bentuk sumbangan dan bantuan kepada **pertubuhan atau individu adalah tidak dibenarkan** kecuali yang telah dimasukkan ke dalam program tahunan Jawatankuasa Tetap.

- b) Sumbangan dan bantuan kepada pertubuhan atau individu hendaklah menggunakan peruntukan tahunan EXCO atau ADUN berkenaan.

3.1.4 Bayaran Gaji Kepada Kakitangan Tambahan

- a) Peruntukan ini **tidak boleh** digunakan untuk pembayaran gaji kepada kakitangan tambahan. Sekiranya terdapat keperluan untuk melantik kakitangan tambahan, Kertas Cadangan perlu dibentangkan di dalam mesyuarat MMKN berserta dengan ulasan daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Perbendaharaan Negeri Selangor.

3.1.5 Penggunaan Peruntukan Bagi Kepentingan Parti Politik

- a) Sebarang program yang berkaitan dengan parti politik atau membawa faedah langsung kepada mana-mana parti politik adalah **tidak dibenarkan** menggunakan peruntukan Jawatankuasa tetap.

4. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL DAN URUSETIA JAWATANKUASA TETAP

- 4.1 Pegawai Pengawal perlu memastikan penggunaan peruntukan ini adalah mengikut garis panduan di atas dan segala perbelanjaan perlu dipantau secara telus bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dan salah guna peruntukan.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Arahan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh : 21 Januari 2009